

**KAJIAN KES PENDERAAN DAN PENGANIAYAAN TERHADAP
ISTERI: KAJIAN KES DI KUCHING**

OLEH:

**NURULHUDA MOHAMAD NORDAN
SUSIANTIE ABDUL KARIM
MARZURA MAT ARID
JELUMIE ADAM**

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK**

MAC 2002

DAFTAR KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
Daftar Kandungan	i
Abstrak	iii
Penghargaan	iv
Surat Penyerahan	vi
Daftar Jadual	viii
Daftar Rajah	ix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan Kajian	1
1.2 Objektif Kajian	3
1.3 Hipotesis Kajian	4
1.4 Andaian Kajian	4
1.5 Penyata Masalah	5
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Kekangan Penyelidikan	8
1.9 Rangka Susunan Bab	11
BAB 2 TINJAUAN LITERATURE	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Definisi Isteri	12

ABSTRAK

Kajian ini menerangkan serta menghuraikan keputusan hasil kajian kes penderaan dan penganiayaan terhadap isteri di Bahagian Kuching. Hipotesis yang diuji di dalam kajian ini ialah kesedaran masyarakat terhadap kewujudan Akta-akta yang melindungi hak-hak wanita, impak-impak yang diterima oleh mangsa-mangsa penderaan sama ada dari segi fizikal, emosi mahupun seksual dan kebahagiaan sesebuah keluarga yang tidak akan membawa kepada kancah penderaan. Seramai 100 orang responden mengambil bahagian yang terdiri daripada wanita-wanita yang tinggal di kawasan Kuching. Soal selidik yang diedarkan adalah untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan analisa data dan kajian. Soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian yang mana setiap soalan mempunyai kaitan antara satu sama lain bagi memudahkan penulis membuat analisis secara menyeluruh. Analisis dan pengkajian hipotesis yang dikemukakan dalam kajian ini adalah melalui kaedah statistik mudah iaitu peratusan dan penjadualan digunakan untuk memberi gambaran mengenai kajian kes yang dijalankan. Hasil penemuan kajian ini menunjukkan bahawa perbuatan penderaan dan penganiayaan isteri sebenarnya dapat diatasi oleh setiap pasangan dengan mengenal pasti faktor-faktor penyebab dan berusaha meningkatkan kepekaan terhadap kewujudan akta-akta yang mampu memberi jaminan perlindungan kepada wanita.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan Kajian

Dalam arus kepesatan negara, sejajar dengan konsep 'langit terbuka' dan dunia tanpa sempadan'. Kerekator wanita yang mula ditonjolkan sejak mula lahirnya institusi keluarga yang juga merupakan akar umbi kepada pembentukan masyarakat dan acuan kehidupan yang tersendiri. Bak kata pepatah 'tangan yang menghayun buaian itu mampu menggoncang dunia'.

Kebahagiaan di jinjang pelamin sering menjadi idaman setiap pasangan baru. Isteri ibarat intan permata dan suami umpama tempat berpaut kasih sayang. Perkahwinan adalah ikatan yang sepatutnya membuahkan rasa kecintaan dan memasang matlamat untuk mendidik keturunan yang berjiwa besar dan mulia. Kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga adalah kunci kesejahteraan masyarakat. Ini memerlukan perasaan saling kasih sayang, hormat menghormati, bantu membantu dan bertanggungjawab.

Isteri merupakan penolong ketua keluarga iaitu suami agar sama-sama dapat mengecapi kebahagiaan dan menempuh rintangan. Namun andainya kebahagiaan yang dicari menempuh derita di tengah jalan demi menuju kebahagiaan, lantas bermulalah episod ngeri apabila hilang persefahaman antara suami dan isteri. Tindakan ganas yang melulu berdasarkan hawa nafsu menyebabkan pasangannya terpaksa akur dan tunduk dengan keganasan yang dilakukan.

Mungkin pada suatu masa dulu, masyarakat berpendapat bahawa masalah keretakan keluarga sudah menjadi asam garam rumah tangga. Kian mengecapi

BAB 2

TINJAUAN LITERATURE

2.1 Pengenalan

Berdasarkan kepada tinjauan literature yang telah dijalankan, para penyelidik telah mengenal pasti beberapa faktor penyebab dan juga tindakan-tindakan yang telah diambil oleh beberapa pihak yang bertanggungjawab terhadap perbuatan kriminal iaitu mendera dan menganiayai isteri yang dilakukan oleh suami. Di samping itu, kami cuba mengetengahkan pandangan-pandangan daripada para ilmuan dan ahli fikir tentang relevannya tercetus keganasan dan kebrnasan tindakan-tindakan tersebut.

2.2 Definisi Isteri

Untuk menghuraikan akan maksud penderaan dan penganiayaan terhadap isteri atau juga dikenali sebagai keganasan rumah tangga terhadap isteri, terlebih dahulu harus difahami akan maksud empat kata kunci utama iaitu isteri, penderaan, penganiayaan dan keganasan.

Menurut definisi yang diberikan oleh Kamus Dewan edisi yang ketiga, 'isteri' membawa maksud 'perempuan yang menjadi pasangan hidup kepada seseorang lelaki' dan 'perempuan yang sudah berkahwin'. Manakala, bagi maksud 'penderaan' pula, ia merujuk kepada 'perbuatan mendera'. 'Penganiayaan' pula membawa maksud 'perbuatan menganiayai, penyeksaan dan penindasan'. Seterusnya, bagi maksud 'keganasan', ia bererti 'perihal ganas, kebuasan dan kegarangan'.